

Headline **3 faktor anaconda mati**
Date **14. Aug 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Sentral**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **42**
Article Size **251 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **4443.75**



3 faktor punca anaconda mati

Jangkitan kuman, diet tidak sesuai sebabkan tak selera makan

Oleh Hussain Said
dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bharian.com.my

SEREMBAN: Tiga faktor dikenal pasti punca utama menyebabkan kematian 30 daripada 58 ular, termasuk dari spesies anaconda di Taman Ular Sawa Negeri Sembilan, Hutan Lipur Ulu Bendol, Kuala Pilah, sejak beberapa bulan lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Norzam Mohd Nor, berkata kajian pakar mendapati, kes berkenaan disebabkan jangkitan kuman, laluan air dalam sangkar dan diet tidak bersesuaian yang menyebabkan reptilia terbabit tidak berselera.

"Jawatankuasa khas sudah dibentuk untuk memastikan masalah itu diselesaikan dengan baik," katanya, sambil mengakui ada kelemahan ketika taman itu dibuka awal Mac lalu, terutama dari segi kesesuaian spesies ular dan aspek penjagaan yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan

Perhutanan dan bekas pekerja Zoo Negara.

Jawatankuasa itu dianggotai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan); Jabatan Perhutanan; Majlis Perbandaran Port Dickson; Unit Perancang Ekonomi Negeri; Unit Penggalakan Pelancongan Negeri; Majlis Tindakan Pelancongan Negeri; Tourism Malaysia Negeri Sembilan dan pegawai daerah Kuala Pilah.

Beliau berkata, khidmat pakar dari Universiti Putra Ma-

FAKTA NOMOR

58
ekor

Ular spesies anaconda di Taman Ular Sawa Negeri Sembilan

30
ekor

Mati dalam peliharaan



“Jawatankuasa khas sudah dibentuk untuk memastikan masalah itu diselesaikan dengan baik. Sebenarnya, taman itu belum beroperasi sepenuhnya tetapi masih di peringkat per cubaan dan promosi kepada umum. Berikutnya kematian 30 ular itu, mungkin kita tutup sementara taman berkenaan bagi membolehkan jawatankuasa khas mengkaji dan mengenal pasti tindakan perlu, termasuk mendapatkan spesies ular lain,” katanya.

Norzam Mohd Nor
Setiausaha Kerajaan Negeri Negeri Sembilan

laysia (UPM) juga dijalin untuk memperbaiki kelemahan dan memastikan kejadian sama tidak berulang, manakala kesihatan 28 ekor ular yang tinggal, termasuk lima spesies anaconda yang sedang dikuarantin oleh kakitangan UPM terjamin.

"Sebenarnya, taman itu belum beroperasi sepenuhnya tetapi masih di peringkat per cubaan dan promosi kepada umum. Berikutnya kematian 30 ular itu, mungkin kita tutup sementara taman berkenaan bagi membolehkan jawatankuasa khas mengkaji dan mengenal pasti tindakan perlu, termasuk mendapatkan spesies ular lain," katanya.

Sementara itu, Pengurus DAP Negeri Sembilan, Loke Siew Foke, meminta kerajaan negeri telus menjawab pelbagai persoalan di sebalik kematian reptilia terbabit, termasuk sama ada kajian seperti terhadap iklim, persekitaran dan habitat dilakukan sebelum ular berkenaan dibawa masuk.